

07/03/2000

Pemilihan berdasarkan merit hapus unsur kenegerian

Kadir Dikoh

MESYUARAT perwakilan Umno sedang rancak diadakan di seluruh negara. Kempen bakal calon dan penyokong mereka atau ejen semakin hebat, malah mereka dikatakan sudah bergerak cergas sejak selepas pilihan raya umum November lalu.

Keadaan semakin rancak apabila calon kali ini dibenarkan berkempen berbanding 1996 tetapi masih perlu mematuhi kod etika pemilihan. Kali ini juga, belum kelihatan lagi aliran berpuk-puak, tiada lagi pengisytiharan pasukan seperti 'Team Wawasan' pada 1993.

Setiap calon berkempen secara sendirian meskipun ada kedengaran wujud pertandingan berpasukan. Seseengah pihak mendakwa, sebarang pakatan antara calon, adalah semata-mata strategi politik dalam perebutan sebarang jawatan.

Meskipun tidak ada pemilihan pada peringkat bahagian kali ini, mesyuarat itu penting kerana ia akan memutuskan pencalonan bagi pemilihan pelbagai jawatan dalam parti dan kira-kira 2,000 perwakilan akan mengundi pada pemilihan di Perhimpunan Agung Umno Mei ini.

Sekiranya perwakilan pada peringkat bahagian menghormati keputusan Majlis Tertinggi (MT) pada 3 Januari lalu, maka pemilihan jawatan Presiden dan Timbalan Presiden berjaya diselesaikan. Malah, pencalonan untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengekalkan jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden, semakin meningkat.

Dengan ini, tumpuan beralih pula kepada pemilihan jawatan Naib Presiden - hiraki ketiga dalam kepemimpinan parti, diikuti 25 kerusi dalam MT, ketua dan naib ketua bagi Pemuda dan Wanita serta perebutan 20 exco kedua-dua sayap parti itu.

Perebutan untuk jawatan Naib Presiden kali ini lebih sengit apabila sembilan calon menawarkan diri berbanding hanya tujuh yang bertanding pada 1996.

Selain dua penyandang iaitu Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, orang baru kali ini adalah di kalangan kumpulan Menteri Besar dan Ketua Menteri. Mereka adalah Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Datuk Abdul Ghani Othman (Johor) dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam selain Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (Negeri Sembilan).

Tiga lagi adalah Menteri Kabinet iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Abdul Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pelbagai pihak menyarankan supaya calon-calon Naib Presiden ini berkompromi. Ada yang menyarankan supaya hanya seorang calon bertanding bagi mewakili Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dalam pertandingan sebelum ini pernah digelar sebagai 'Kelab MB atau KM'. Tidak kurang pula yang mahukan supaya hanya seorang calon mewakili satu negeri.

Umpamanya, tiga calon iaitu Ghani, Syed Hamid dan Muhyiddin adalah dari Johor manakala dari Negeri Sembilan pula, dua orang - Mohd Isa dan Dr Rais. Begitu juga Selangor yang mungkin menyaksikan pertembungan antara Abu Hassan dan Muhammad Taib.

Dua Menteri Besar pernah berjaya menduduki kerusi Naib Presiden pada 1993 iaitu Mat Taib dan Muhyiddin. Muhyiddin yang sebelum ini menyandang jawatan Menteri Besar Johor bagaimanapun tewas pada pemilihan 1996.

Di kalangan sembilan bakal calon Naib Presiden itu, Abu Hassan, Ghani

dan Osu adalah yang pertama kali mencuba. Syed Hamid pernah bertanding pada 1996 tetapi tewas apabila menduduki tempat keempat manakala Dr Rais tewas pada 1987, juga di tempat keempat.

Kelayakan untuk bertanding jawatan Naib Presiden ialah sekurang-kurangnya mendapat 17 pencalonan dari 165 bahagian iaitu 10 peratus daripada jumlah bahagian Umno. Bagi mereka yang berjawatan Menteri Besar atau Ketua Menteri, bukanlah sesuatu yang sukar untuk memperolehi jumlah pencalonan itu kerana kedudukan mereka selaku Pengerusi Badan Perhubungan negeri.

Malah mereka dikatakan boleh mewujudkan semacam `barter trade' dengan rakan sejawatan dari negeri-negeri lain untuk saling calon mencalon. `Sistem' ini jika dipraktikkan, sudah pasti menyempitkan laluan mendapat pencalonan yang banyak bagi calon dari negeri yang sama seperti Syed Hamid dan Muhyiddin (Johor), Mat Taib (Selangor) dan Dr Rais (Negeri Sembilan) dan pencalonan dari negeri lain pasti menjadi sandaran mereka.

Namun, ada yang berpendapat, jumlah pencalonan itu tidak seharusnya mengkusarkan asalkan mereka berjaya melepasi kelayakan bertanding kerana keputusan muktamad terletak di tangan perwakilan yang akan mengundi secara rahsia dalam pemilihan Mei ini.

"Ahli Umno sendiri sudah matang untuk membuat perkiraan yang antara lain akan memilih berdasarkan kriteria kebolehan seseorang dari segi prestasi kerja, kecemerlangan dan imej yang bersih. Keadaan ini tidak harus membimbangkan terutama di kalangan calon yang bukan mewakili kelompok Menteri Besar dan Ketua Menteri," kata seorang ahli MT.

Cuma katanya, keadaan itu kurang memberi kelebihan kepada orang seperti Mat Taib yang tidak lagi memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan. Sebaliknya, keadaan ini membuka ruang yang lebih baik kepada Menteri Pusat seperti Najib, Syed Hamid, Rais dan Muhyiddin.

Malah kata beliau, kriteria pemilihan berdasarkan merit seseorang itu juga, boleh menghapus unsur-unsur kenegerian. "Jika kedua-dua atau ketiga-tiga calon dari negeri yang sama, semuanya berkebolehan, apa salah membuat pilihan kepada dua atau tiga calon itu sekaligus meskipun dari negeri yang sama," katanya.

Antara yang pernah naik berdasarkan merit ialah Dr Mahathir, Abdullah dan Tan Sri Musa Hitam.

Namun, ada juga desas-desus menyatakan bahawa kemungkinan negeri mencalonkan semua tiga atau dua calon dari negeri yang sama "untuk menunjukkan kematangan dan perpaduan dalam keadaan Umno memerlukan penyatuan semula ahli."

Apapun, keputusan muktamad terletak di tangan perwakilan untuk menentukan siapa bakal memimpin Umno bagi tempoh tiga tahun akan datang.

(END)